

Perdana Menteri pertimbang cadangan KWSP

KUALA LUMPUR - Kerajaan secara dasar ber-setuju dengan cadangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk menjadikan pilihan pengeluaran pencarum secara berkala atau bulanan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, cadangan itu bagaimanapun masih di peringkat akhir, selain melihat beberapa kekangan termasuk jumlah baki simpanan semasa pencarum.

“Itu masih di peringkat akhir. Saya tiada keberatan, (namun) Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (Ketua Pegawai Eksekutif KWSP) kata ada beberapa kekangan terutama di kalangan (pencarum) yang mempunyai simpanan kecil,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa Ke-10 2023 (ISWC 2023) pada Khamis.

Sebelum ini, Amir Hamzah memaklumkan, KWSP sedang mempertimbang untuk menjadikan pengeluaran secara berkala atau bulanan bagi pencarum yang mencecah usia persaraan 55 tahun sebagai mandatori untuk ahli baharu.

Ketika ini, pengeluaran secara berkala atau bulanan itu dilakukan secara sukarela.

Anwar yang juga Menteri Kewangan melancarkan versi baharu Aplikasi i-Akaun KWSP, yang menggabungkan ciri-ciri inovatif dan interaktif untuk meningkatkan pengalaman pengguna.

Platform yang dinaik taraf itu menyediakan pelbagai fungsi baharu bagi ahli melaksanakan transaksi berkaitan KWSP termasuk kalkulator simpanan persaraan untuk membantu pencarum menilai kecukupan simpanan apabila bersara kelak.

Mengulas keputusan Mahkamah Persekutuan yang membatalkan pindaan terhadap Seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasan Pencen (Pindaan) 2013, Anwar berkata, kerajaan juga mempertimbangkan kaedah lain untuk melindungi hak pesara.

“Kita perlu menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan dan akan ada mekanisme untuk melindungi pesara. Kita akan umumkan (kaedah) itu dalam masa terdekat,” jelasnya.

Mahkamah Persekutuan memutuskan pindaan terhadap Seksyen 3 dan 7 Akta Pelarasan Pencen (Pindaan) 2013 kurang memberi manfaat kepada pesara perkhidmatan awam sekali gus mengisytiharkannya sebagai terbatal dan tidak sah.